

# Orang Melayu Sekarang Dengan Agama Islam

Lebih dahulu ingin saya hendak menerangkan kepada pembaca-pembaca sekalian kenapa dan mengapakah saya menulis dengan perkataan orang Melayu sekarang? Jawapan secara ringkas dan tepatnya ialah kerana: Pokok persoalan saya pada kali ini terkhas mengenai kepada orang Melayu sekarang sahaja dan memang tidak pula saya bercita-cita hendak mengisahkan keadaan orang Melayu dahulu dengan faham keislamannya.

Oleh: Hawari, Perak)

Seluruh umat Melayu dalam Tanah Melayu hari ini: Beragama Islam. Dan dengan sebab inilah hingga ada orang berani mengatakan: Bahawa Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu. *Alhamdulillah* kita bersyukur ke hadrat Allah, kerana orang Melayu semua telah memeluk agama suci dan agama yang diredai Allah ini. Semua orang bijak pandai dalam agama Islam tentulah bergembira dengan keadaan seperti ini.

Yang lebih menggembirakan lagi ialah kerana ada di antara mereka yang dijumlahkan benar-benar pandai dalam hal agama tadi cuba pula mengajar memberi penerangan-penerangan berkenaan dengan agama di masjid-masjid, di surau-surau, di rumah-rumah mereka sendiri. Untuk menunjukkan betapa kuatnya mereka berpegang kepada agama Islam sehingga ada pula di antara mereka yang sentiasa melanggar larangan-larangan Allah itu pun, jika dikatakan mereka bukan beragama Islam, akan sanggup pula mereka mempertahankannya sekalipun dengan tenaga. Kalau kita hanya memandang dari segi ini, kita benar-benar akan bergembira dan puas hati.

Tetapi kalau kita pandang dari segi lain, maka akan kita tahu lah sebanyak mana dan berapa peratuskah

di antara umat-umat Islam di Tanah Melayu ini yang benar-benar telah sedar dan telah mendalam pengetahuannya dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan ajaran-ajaran agama Islam. Umpamanya kita pandang dari segi politik. Kebanyakan orang Melayu sekarang telah mulai bangkit menentang parti-parti politik yang berdasarkan Islam. Dan ada pula orang Melayu yang mengaku beragama Islam dengan suara lantang bertempik: "Politik jangan campur agama!!!" Tetapi sungguh amat dikesalkan kerana mereka yang berkata itu sendiri pun tidak pula dapat memberi dan menunjukkan manakah satu ayat dalam *al-Qur'an* atau dalam hadis Nabi yang menyuruh berbuat demikian?

Boleh jadi mereka lupa bahawa di dalam *al-Qur'an* ada mengatakan: "*Udkhulū fī al-silmi kāffah*". Ertinya: "Masuklah ke dalam perdamaian (Islam) keseluruhannya." Erti keseluruhannya itu ialah makan minum secara Islam, amal ibadat secara Islam, berumah tangga secara Islam. Pendeknya semua perkara-perkara yang hendak dilakukan mestilah mengikut peraturan Islam sehinggalah kepada politik dan menyusun undang-undang negeri pun mestilah mengikut peraturan Islam.

Jadi kesimpulannya tentang perkara ini kalau benar-benar kita mahu beragama Islam: Ikut dan turutlah segala kehendak dan ajaran-ajaran Islam. Tetapi kalau tak mahu menurut ajaran Islam keseluruhannya, maka saya rasa eloklah cari jalan lain supaya kita tidak dianggap sebahagian dari orang yang mempermain-mainkan agama Allah (Islam).

Untuk menunjukkan garang dan bijaknya; ada pula daripada orang-orang Islam sendiri (setengahnya terdiri dari orang-orang yang dianggap bijak dalam hal-hal agama) mengatakan: Undang-undang Islam yang terkandung di dalam *al-Qur'ān* itu tak sesuai lagi dengan keadaan dunia hari ini, kerana *al-Qur'ān* telah ada beratus-beratus tahun yang lalu. Kepada orang-orang yang berpendapat seperti ini, dengan hormatnya kita minta tolonglah tunjukkan manakah satu ayat dalam *al-Qur'ān* yang telah tak sesuai lagi dengan zaman ini? Dan bagaimanakah perubahan yang dikehendaki? Moga-moga dengan itu kami yang masih memegang ideologi Islam ini akan dapatlah pula turut bersama menyaksikan dan mengadilinya!

Kalaular pun jawabnya “Tak boleh ....” maka disyorkan janganlah mencaci faham atau ideologi Islam; kerana kalau masih sanggup menjalankan lagi perkara-perkara itu maka orang-orang tersebut mestilah sanggup pula menerima bintang atau gelaran “Islam pura-pura” atau “Islam kulit”.

Dalam suasana begini; mujurlah timbul Parti Islam Se-Tanah Melayu yang berideologikan Islam<sup>1</sup> dan berdasarkan *al-Qur'ān* dan hadis, ini adalah menjadi salah satu daripada alat pengukur untuk mengukur sedalam dan setebal manakah iman keislaman yang ada pada kebanyakan

orang Melayu (Islam) pada hari ini? Dan berapa orang serta berapa peratuskah orang yang benar-benar faham dengan ajaran Islam?

Dengan mengetahui bilangan ini juga dapatlah kita membuat perhitungan atau membuat perincian, bagaimanakah jalan atau bagaimanakah caranya kita hendak memasukkan faham keislaman kepada orang-orang yang belum sedar dan belum mendalam pengetahuannya tentang selok-belok agama Islam itu? Adakah cukup hanya dengan dikatakan sahaja “Agama Islam agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu?” Segala jawapan-jawapan dari soalan-soalan inilah yang patut kita kaji dan kita jalankan kiranya kita benar-benar percaya bahawa agama Islam itulah agama yang suci, agama yang benar, agama yang tinggi dan agama yang dapat membawa penganut-penganutnya ke jalan yang selamat sejahtera dunia dan akhirat – *wa billāhi al-tawfiq wa al-salām.*

14. Budi	\$1.00
15. Seruan Kita Penggal 1	0.30
16. “ “ “ 2	0.30
17. Perempuan dalam Pilihanraya	0.40
18. Wakil Rakyat dalam Islam	0.70
19. Undang-Undang Dasar Islam di Pakistan	0.30
20. Pendidikan	1.00
21. Akhlak	1.20

**Segala pesanan tolonglah sertakan dengan wang belanja post mengirimkannya.**

<sup>1</sup> Sedikit kesilapan ejaan, dalam teks asal ditulis ‘salam’